

18 SEP 1998

Mahathir - Cuti

CUTI UMUM JIKA M'SIA CAPAI KEJAYAAN CEMERLANG

LANGKAWI, 18 Sept (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata beliau akan menimbang untuk memberi cuti umum jika Malaysia mencapai kejayaan yang cemerlang pada Sukan Komanwel ke-16 yang sedang berlangsung sekarang.

Perdana Menteri berkata, beliau sekarang ini belum memikirkan untuk memberi cuti umum itu tetapi ada kemungkinan jika semua pihak berusaha sepenuhnya dan tidak kurang semangat juang.

Bercakap pada sidang berita selepas melawat Lapangasar Menembak Antarabangsa Langkawi Malaysia (Lisram) di sini, beliau berkata Malaysia akan dapat mencapai kejayaan yang cemerlang sekiranya semua atlet negara mempunyai disiplin yang cukup.

"Malaysia tidak akan dapat mencapai kejayaan jika kita membenarkan diri dipengaruhi oleh perasaan marah, cemburu dan kecewa.

Malaysia telah meletakkan sasaran untuk mengutip sekurang-kurangnya sepuluh pingat emas dalam temasya sukan kedua terbesar di dunia itu.

Setakat ini, kontinjen negara menduduki tangga keempat dengan memperolehi 5 pingat emas, 8 perak dan 7 gangsa.

Dr Mahathir berkata, masih terdapat atlet negara yang melahirkan rasa kecewa atau merajuk atau yang hendak memaksa syarat-syarat mereka diterima.

"Dalam bidang ini, kita tidak perlu kepada perasaan pensendirian peribadi, sebaliknya kita harus ingat kita rakyat Malaysia dan dalam bidang sukan mesti abdi diri kita kepada negara dan tidak mengenakan pelbagai syarat," katanya.

Menurutnya, beliau kagum dengan kejayaan yang dicapai oleh penembak negara, Nurul Huda Baharin yang mendapat pingat emas dan mencipta rekod baru dalam acara Air Rifle individu walaupun tangannya patah baru-baru ini.

"Ini semangat yang kita hendak daripada kalangan atlet dan rakyat Malaysia yang walaupun menghadapi cabaran besar tetapi mempunyai hati besar yang ingin menghadapi segala cabaran dengan jaya," katanya.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada seorang lagi penembak Malaysia, Zainal Abidin Md Zain yang mendapat pingat perak dalam acara Fullbore Rifle.

Perdana Menteri juga melahirkan rasa gembiranya kerana Malaysia telah dapat menganjurkan Sukan Komanwel dengan baik, walaupun menjangka akan berlaku kesilapan.

"Alhamdulillah, sehingga hari ini tiada masalah yang besar mengganggu perjalanan Sukom. Saya anggap ini sebagai kejayaan pegawai-pegawai yang telah diberi tugas dengan baik," katanya.

-- BERNAMA

AHM oba